

# LAPORAN TAHUNAN YAYASAN IKHLAS 2015



**YAYASAN IKHLAS**  
(PPAB-09/2009)  
Peduli & Prihatin

**6** 2009-2015



- 02 Pengenalan
- 02 Visi & Misi
- 02 Objektif
- 03 Perutusan Pengerusi
- 04 Jawatankuasa Eksekutif
- 05 Kakitangan Pengurusan
- 07 Teras Utama
- 08 Senarai Aktiviti
- 09 Program Inisiatif
- 14 Laporan Kewangan

# PENGENALAN

Yayasan Ikhlas adalah sebuah badan kebajikan yang ditubuhkan mengikut Akta Pemegang Amanah (Permerbadanan) pada 5 Mac 2009 dengan tujuan meringankan kesusahan di kalangan anak-anak yatim, orang kurang upaya, faqir dan mereka yang dilanda musibah akibat daripada sebarang malapetaka serta memberi biasiswa atau insentif kepada individu atau kumpulan atas kerja-kerja pelajaran dan kerja-kerja penyelidikan di Malaysia. Ianya bertujuan untuk memelihara dan memajukan kebudayaan dan taraf hidup sosial orang-orang Melayu dan Islam.

## VISI

Sebuah yayasan global yang memberi perkhidmatan tanpa batas waktu dan tempat menjelang 2030

## MISI

Melaksanakan tanggungjawab demi agama, bangsa dan negara.

# OBJEKTIF

- 1** Meringankan kesusahan di kalangan anak-anak yatim, orang kurang upaya, dan mereka yang ditimpa musibah akibat sebarang malapetaka.
- 2** Memberi bantuan biasiswa dan insentif kepada individu atau kumpulan atas kerja-kerja pelajaran atau kerja-kerja penyelidikan.
- 3** Memelihara dan memajukan kebudayaan dan taraf hidup sosial orang-orang Melayu dan Islam.



A portrait of Dato' Mohd Rosli bin Ramli, a middle-aged man with short grey hair and glasses, wearing a dark pinstriped suit jacket, a white shirt, and a colorful patterned tie. He is sitting in a black leather office chair, holding a pen in his right hand. The background is a light-colored wall with a wooden panel. A red curved graphic element is at the bottom right.

## Dato' Mohd Rosli bin Ramli Pengerusi Yayasan Ikhlas

Segala puji dan syukur kepada Ilahi, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga baginda, para sahabat, tabi' tabi'in serta para solihin seluruhnya.

Alhamdulillah, Yayasan Ikhlas telah melabuhkan tirai bagi tahun 2015 dengan jayanya dengan pelbagai program yang telah dijalankan yang melibatkan pelbagai agensi dan rakan strategik yang sedia bekerjasama dan bertungkus lumus menayakan segala aktiviti yang dirancang.

Yayasan Ikhlas telah amat komited dan mengambil berat dalam pelbagai aspek kemanusiaan terutamanya kepada rakyat Malaysia yang menghadapi musibah serta mengambil langkah proaktif dengan menghulurkan bantuan segera. Penglibatan Yayasan Ikhlas dalam bentuk ini amat sesuai dengan moto Yayasan Ikhlas iaitu Peduli dan Prihatin.

Keupayaan melaksanakan segala misi dan bantuan yang dirancang, tidak dapat dilaksanakan dengan baik tanpa sokongan dari semua pihak samada kerajaan, bukan kerajaan dan rakyat Malaysia keseluruhan dengan sumbangan yang diberikan.

Akhir kata, teruskan menyumbang bersama Yayasan Ikhlas kerana sumbangan anda mampu untuk menyelamatkan insan yang memerlukan.

"Tangan yang memberi adalah lebih baik daripada tangan yang menerima"



**Dato' Mohd Rosli bin Ramli**  
**PENGERUSI**

Berpengalaman sebagai penjawat awam yang berpengetahuan luas dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.

Beliau telah berkhidmat di pelbagai kementerian dan kini menjawat jawatan Pegawai Kemajuan Negeri Selangor.

Seorang yang amat prihatin di dalam isu-isu kemanusiaan dan bergerak aktif di dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.



**Tn. Hj. Zaim bin Shaari**  
**TIMBALAN PENERUSI**



**Tn. Hj. Khalid bin Zakaria**  
**BENDAHARI**



**Mejar Ridzwan bin Shoib**  
**JAWATANKUASA EKSEKUTIF**



**Dr. Ust. Hj. Sarip bin Adul**  
**JAWATANKUASA EKSEKUTIF**



**Dr. Mohd Khairol bin Jambli**  
**JAWATANKUASA EKSEKUTIF**




**Tn. Hj. Shahrudin bin Mt Dali**  
**JAWATANKUASA EKSEKUTIF**

# KAKITANGAN PENGURUSAN

**Ir Hj. Kamaruddin Bin Kassim**  
PENGURUS BESAR

Berpengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran projek terutamanya rekabentuk mekanikal dan elektrik samada bangunan mahupun industri. Pernah berkecimpung dalam bidang perundingan Kejuruteraan Mekanikal, kontraktor binaan juga dunia pendidikan sebagai pensyarah sambilan mahupun pensyarah jempunan di beberapa IPT dan IPTS serta badan kerajaan.



**Syafiq Syahmi bin Sazali**  
PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS



**Syafiah binti Mohammad**  
PEGAWAI TADBIR & MEDIA




**Ustazah Nabilah Huda binti Zaim**  
PEGAWAI OPERASI DAKWAH

## CAWANGAN KELANTAN



**Ustaz Abdul Rahman Bin Iskandar**  
PENGURUS CAWANGAN



**Siti Aisyah binti Mat Rani**  
PEGAWAI TADBIR



**Mohd Noorulhazry bin Saimin**  
PENGURUS CAWANGAN

## CAWANGAN SABAH

**Dr. Ust. Hj. Sarip bin Adul**  
JAWATANKUASA EKSEKUTIF



## CAWANGAN SARAWAK



**Dr. Mohd Khairol bin Jambli**  
JAWATANKUASA EKSEKUTIF



**Hafeez bin Morni**  
PENGURUS CAWANGAN

## WAKIL NEGERI



**Tn. Hj. Ahmad Komarolaili bin Abu**  
WAKIL NEGERI TERENGGANU



**Noorzamri bin Ibrahim**  
WAKIL NEGERI PERLIS



**Noranizan bin Abu**  
WAKIL NEGERI JOHOR

# TERAS UTAMA

Program berteraskan bantuan kemanusiaan antaranya bencana alam seperti banjir, kebakaran, tanah runtuh, bantuan perubatan dan bantuan keperluan harian kepada masyarakat pedalaman terutamanya Sabah dan Sarawak.

Teras ini memberi fokus kepada bantuan pendidikan kepada pelajar dari keluarga miskin, keluarga mualaf dan mangsa bencana.



Melaksanakan program berteraskan dakwah dengan menganjurkan program di hari kebesaran Islam. Program dakwah kepada masyarakat orang asli, masyarakat dan pedalaman, Sabah & Sarawak, komuniti mualaf dan pelajar-pelajar di institusi agama.

Program ini dijalankan dengan penglibatan masyarakat setempat seperti Bantuan Bakul Kasih Ramadhan, Ibadah Qurban & Aqiqah, gerakan Skwad Sukarelawan (Team Ikhlas) ke kawasan sasaran.

*Yayasan Ikhlas adalah sebuah pertubuhan kebajikan atau NGO yang menitik beratkan amal-amal berbentuk kebajikan dengan berpaksikan kepada Empat Teras utama yang menjadi tunjang kepada segala aktiviti yang dijalankan*



# SENARAI AKTIVITI



1. Bantuan Banjir di Pantai Timur (Kelantan & Terengganu ), Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak
2. Bantuan Kebakaran Semporna
3. Bantuan kemanusiaan Etnik Rohingya
4. Bantuan Tanah Runtuh Ranau



1. Bantuan Persekolahan kepada pelajar miskin di empat negeri
2. Karnival Lepasan Sekolah Kota Bharu
3. Karnival Lepasan Sekolah Shah Alam
4. Anjung Ikhlas Kampung Pengkalan Mengkapon
5. Anjung Ikhlas di Sabah



1. Kembara Nurani Sungai Kuching
2. Penyerahan Al Quran Waqaf kepada pelajar miskin / kurang berkemampuan dan 200 buah Masjid di Temerloh yang ditimpa banjir
3. Dakwah Bil Hal Sungai Berjuang
- 4 Sumbangan kitab Juzuk Amma kepada pelajar miskin



1. Bakul Kasih Ramadhan seluruh Malaysia
2. Ibadah Qurban & Aqiqah di dalam dan luar negara ( Kemboja dan Aceh )
3. Jamuan bersama Rakan strategik
4. Majlis Kesyukuran 10 tahun Pondok Yatim Raudhah

# MANFAAT YANG TELAH DICAPAI



**TERAS KEBAJIKAN & KEMANUSIAAN**  
Seramai 121, 650 orang menerima manfaat dari teras ini melalui program bantuan bencana dan kemanusiaan



**TERAS PENDIDIKAN & PENYELIDIKAN**  
Seramai 1, 977 orang menerima manfaat dari teras ini melalui program bantuan persekolahan dan seminar pendidikan




**TERAS DAKWAH**  
Seramai 5, 700 orang menerima manfaat dari teras ini melalui program dakwah dan sumbangan kitab



**TERAS SOSIAL & KEMASYARAKATAN**  
Seramai 600 orang menerima manfaat dari teras ini melalui program bantuan dan sumbangan kewangan dan keperluan asas

# PROGRAM INISIATIF





Team Ikhlas mengumpulkan sukarelawan dari pelbagai latar belakang, bidang yang berbeza, agama dan bangsa dalam beberapa siri projek Yayasan Ikhlas.

1482 sukarelawan ini telah digerakkan dalam beberapa projek,

1. Bantuan Mangsa Banjir awal tahun 2015
2. Bakul Kasih Ramadhan 1436H
3. Ibadah Qurban & Aqiqah 1436H

Seramai 1016 sukarelawan telah dihantar ke kawasan bencana banjir di Kelantan, Pahang, Terengganu, Perak, Sabah dan Sarawak.

Dalam projek Bakul Kasih Ramadhan, seramai 150 orang telah turun ke 15 lokasi dan dalam Projek Qurban & Aqiqah, seramai 316 sukarelawan menjayakan Ibadah Qurban di 34 kawasan di Malaysia, Aceh & Kemboja.



Produk Inisiatif Panel Penyelidikan ini ditubuhkan bagi membuat penyelidikan dalam pembangunan pendidikan, infrastruktur, kesihatan dan kewangan kepada sasaran terutamanya masyarakat pendalaman di Sabah & Sarawak serta orang asli di seluruh Malaysia.

Pada tahun 2015, dua projek penyelidikan telah dijalankan :

1. Pembangunan Infrastruktur Sungai Kuching
2. Pembangunan Pendidikan & Kesihatan Orang Asli Sg Berjuang



i-Sedeqah ini mengumpulkan sumbangan bagi misi bantuan kebajikan dan kemanusiaan.

Beberapa program dirancang seperti

1. Bantuan Bencana Alam seperti banjir, tanah runtuh
2. Bantuan Kebakaran Rumah, Masjid, Sekolah dan lain-lain
3. Bantuan kepada fakir miskin pada Bulan Ramadhan

Pada Ramadhan 1436H, seramai 1350 orang telah menerima bantuan seperti pelarian etnik Rohingya di Blang Ado, Lhokseumawe, Aceh dengan kerjasama PKPU Aceh dan mangsa kebakaran rumah Kg Bangau-Bangau, Semporna, Sabah



Konsep Qurban Komuniti yang dijalankan adalah konsep qurban yang melibatkan masyarakat setempat, badan dan agensi tertentu serta bersama komuniti yang memerlukan.



Pada tahun 2015, sebanyak 105 ekor lembu dan 7 ekor kambing berjaya disembelih di 34 kawasan. Sebanyak 25 ekor dikorbankan di Masjid Manik Urai Lama bersama masyarakat mangsa banjir, 3 ekor dikorbankan di perkampungan muallaf di Sabah, Pitas, dan beberapa ekor dikorbankan di pusat pemulihan, penjara dan pusat kemasyarakatan, 10 ekor di zon banjir Kota Bharu.



Sasaran penerima

1. Kawasan fakir miskin
2. Perkampungan orang asli
3. Kawasan Perumahan kos rendah/setinggan
4. Kuarters pasukan beruniform (Polis, Tentera, Bomba)
5. Maahad Tahfiz, Pondok Tahfiz
6. Penjara atau pusat pemulihan
7. Kawasan Muallaf
8. Hospital



## TABUNG PENDIDIKAN YAYASAN IKHLAS

Tabung Pendidikan Yayasan Ikhlas mengumpulkan peruntukkan khas untuk pembangunan pendidikan rakyat Malaysia yang memerlukan dan disasarkan kepada remaja, pelajar dari keluarga miskin, masyarakat orang asli, muallaf dan mereka yang memerlukan bantuan dari sudut pendidikan.

Antara Program yang dijalankan :

1. Karnival, Seminar & Kursus
2. Bantuan Alat Pembelajaran
3. Kelas Pengajian Al Quran dan Fardhu Ain
4. Bantuan yuran pendidikan



Waqaf diwujudkan bagi memberi peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk menyumbang dan berwaqaf . Antara produk Waqaf yang dihasilkan adalah Al Quran dan Kitab Juzuk Amma.

Al Quran yang diwakafkan diserahkan kepada mangsa banjir pada awal tahun 2015 di Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang, Sabah dan Sarawak, dan kepada masjid-masjid yang ditimpa bencana.

Kitab Juzuk Amma diserahkan kepada muallaf di Sabah dan Sarawak dan masyarakat orang asli di Semenanjung.



**PONDOK YATIM  
AR-RAUDHAH**  
BLANG WEU PANJOE - ACEH



Pada 26 Disember 2006 , Pondok Yatim Ar-Raudhah Lhokseumawe ditubuhkan kerjasama antara PKPU Indonesia dengan Yayasan Ikhlas dan Yayasan Raudhah .

Pondok Yatim ini, telah melahirkan ramai hafiz dan hafizah yang hebat yang banyak memenangi pingat di peringkat Daerah mahupun peringkat yang lebih tinggi lagi.

Selain itu, anak-anak yatim ini turut dilatih dengan kemahiran keusahawanan, hidup berdikari, bersukan dan berdebat.



**DAKWAH  
MUALLAF**

Dakwah Muallaf dijalankan di kawasan pedalaman orang asli di Pahang, Kelantan dan Perak bagi membantu mengukuhkan kefahaman Islam.

Antara program Dakwah Muallaf yang dijalankan tahun 2015:

1. Program Dakwah Bil Hal di Sungai Berjuang
2. Kembara Nurani di Sg Kuching
3. Program / kelas bimbingan agama Anjung Ikhlas di Pitas dan Telipok, Sabah

Tenaga pengajar adalah daripada kalangan masyarakat orang asli iaitu guru sekolah yang berdekatan yang dilantik oleh pihak Yayasan Ikhlas.



# LAPORAN KEWANGAN

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	2015 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>	
Hartanah, Logi dan Peralatan	111,496
	<u>111,496</u>
<b>ASET SEMASA</b>	
Pelbagai Penerimaan, Deposit dan Prabayar	9,500
Tunai di tangan dan Baki di Bank	339,922
	<u>349,422</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u><b>460,918</b></u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>	
Pelbagai Pembayaran dan Akruan	4,132
	<u>4,132</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>	<u><b>456,786</b></u>
<b>DANA TERKUMPUL</b>	
<b>Operasi Yayasan</b>	
Baki pada 1 Januari	4,989
Lebihan Bersih Pada Tahun Kewangan	4,668
Baki Pada 31 Disember	9,657
<b>Tabung Pemegang Amanah</b>	447,129
	<u><b>456,786</b></u>

## PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN TERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM
<b>PENERIMAAN SUMBANGAN</b>	977,476
<b>PERBELANJAAN AKTIVITI</b>	(657,851)
	<u>319,625</u>
<b>PENDAPATAN DARI AKTIVITI LAIN</b>	1,659
<b>PERBELANJAAN PETADBIRAN &amp; OPERASI</b>	(299,605)
<b>PERBELANJAAN OPERASI LAIN-LAIN</b>	(17,011)
	<u>4,668</u>
<b>LEBIHAN SEBELUM CUKAI</b>	4,668
<b>BELANJA CUKAI</b>	-
	<u>4,668</u>
<b>LEBIHAN BERSIH UNTUK TAHUN KEWANGAN</b>	<u><u><b>4,668</b></u></u>

## PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM
<b>PENERIMAAN</b>	
Sumbangan Umum dan Korporat	977,476
Pendapatan Dari Aktiviti Lain	1,659
	<u>979,135</u>
<b>PERBELANJAAN AKTIVITI</b>	
Program - Bantuan Pendidikan	(36,227)
Program - Dakwah	(82,975)
Program - Kebajikan Dan Kemanusiaan	(161,174)
Program - Sosial Dan Kemasyarakatan	(377,475)
<b>PERBELANJAAN PENTADBIRAN &amp; OPERASI</b>	(316,616)
	<u>(974,467)</u>
<b>LEBIHAN BERSIH</b>	<u><b>4,668</b></u>

## PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN OPERASI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM
<b>PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN OPERASI</b>	
Bayaran Perakaunan	5,650
Iklan	34,584
Bayaran Pengauditan	350
Caj Bank	328
Utiliti	9,269
Keraian	4,021
KWSP & PERKESO	18,294
Cenderamata	2,761
Perbelanjaan Pejabat	12,179
Alat Tulis & Percetakan	7,700
Sewa Pejabat	14,800
Gaji & Elaun	162,952
Bayaran Subskripsi	1,363
Tol, Petrol & Bayaran Tempat Letak Kereta	3,737
Bayaran Khidmat Terjemahan	2,396
Perjalanan	4,028
Bayaran Sukarelawan	9,393
Uniform	2,650
	<u>299,605</u>
<b>LAIN-LAIN PERBELANJAAN OPERASI</b>	
Susut Nilai	8,323
Pembaikan dan Penyelenggaraan Kenderaan	8,688
	<u>17,011</u>
	<u><u><b>316,616</b></u></u>

# YAYASAN IKHLAS

NO. 25-1-1 & 27-1-1, JALAN MEDAN PUSAT BANDAR 1,  
SEKSYEN 9, 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR



PEJABAT 03 8926 5954



FAKS 03 8926 1520



YAYASANIHLAS2009@GMAIL.COM



WWW.YAYASANIHLAS.ORG.MY



YAYASAN IKHLAS

Sumbangan anda boleh disalurkan ke akaun  
Yayasan Ikhlas



Maybank Islamic

| 5628 3463 6228



CIMB ISLAMIC

| 8600 601 366